

Peluang kenaikan gaji, ganjaran

BH 19 FEB 1991

Jangan kecewa: PM

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kakitangan awam supaya jangan kecewa dengan kenaikan gaji yang besar dan ganjaran yang diterima oleh mereka yang bekerja di jabatan kerajaan yang sudah diswastakan.

Beliau memberi jaminan kakitangan awam juga boleh mendapat gaji lebih baik apabila kerajaan mendapat lebih banyak wang melalui peningkatan produktivi dan persaingan industri negara.

Menurutnya, ada kakitangan agensi kerajaan yang diswastakan, dibayar gaji dua kali ganda daripadanya manakala ketua eksekutif mereka mendapat gaji lebih lumayan daripada beliau sendiri.

Bercakap dalam rancangan *Wawancara Khas* dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melalui RTM malam ini, Perdana Menteri berkata, perkara yang sama sudah tentu tidak dapat diberikan kepada mereka yang kekal dalam perkhidmatan awam dan jika kita menerima hakikat bahawa kehidupan tidak akan sama bagi semua orang, kita tidak akan begitu kecewa.

Ahli panel ialah Ketua Pengarah Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Dr Noordin Sopiee, Ketua Eksekutif Bank Buruh Tan Sri Ramon Navaratnam dan Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Eko-

nomi Malaysia (MIER) Datuk Dr Kamal Salih, yang membincangkan mengenai ekonomi Malaysia, fungsi kerajaan dan pilihan yang terpaksa dibuatnya dalam menghadapi suasana ekonomi dunia sekarang yang semakin teruk berikutan Perang Teluk.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan yang paling adil, apabila se-

mua orang mendapat bahagian sama rata seperti dalam ideologi komunis, orang yang paling cekap pun akan menjadi tidak cekap kerana tidak adanya cabaran.

"Apa yang boleh kita lakukan ialah meningkatkan hidup mereka yang kurang bernasib baik supaya mendapat bahagian lebih adil dalam ekonomi.

"Bagaimanapun, kita tidak memberi jaminan orang teratas akan mendapat seperti dalam agensi kerajaan yang diswastakan, dengan memperolehi sehingga \$25,000 iaitu lebih tinggi daripada gaji saya dan Ketua Setiausaha Negara, tetapi kita terpaksa menerimanya," katanya.

Beliau berkata, program penswastakan akan terus dipertingkatkan kerana pengalaman daripada beberapa agensi yang diswastakan, menunjukkan kakitangan yang sama, menjadi lebih cekap bekerja melalui penswastakan.

Contohnya, kata beliau, ialah Telekom yang membuat lebih banyak wang selepas diswastakan berbanding ketika ia sebuah jabatan kerajaan.

"Jabatan Telekom mungkin tidak terfikir untuk membuka Kedai Telekom dan menggalakkan penggunaan telefon. Tetapi apabila berada dalam sektor swasta, kakitangan yang sama itu juga mula berfikir untuk memenuhi kehadirannya, mendapatkan lebih banyak wang, dan mendapat bonus dan bayaran yang lebih, dia mesti be-

rusaha untuk memajukan syarikat itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, bukanlah menjadi urusan kerajaan untuk memasuki bidang perniagaan kerana apabila kita memasuki bidang perniagaan, kita (kerajaan) tidak dapat mengusahakannya dengan baik dan berkesan.

Katanya, kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kemahiran dan sikap kakitangan kerajaan dengan idea dan cadangan baru.

Pada masa lalu, katanya, kakitangan awam diberi kebebasan melaksanakan projek tetapi kini mereka mempunyai carta aliran kerja membolehkan kerajaan mengetahui dengan tepat bila sesuatu projek itu diberikan kepada jabatan tertentu dan pegawai yang mengendalikannya.

Di samping itu, katanya, mereka juga sudah memahami dengan baik apa yang dimaksudkan dengan Persyarikatan Malaysia dan mengapa mereka kakitangan awam perlu bekerjasama rapat dengan sektor swasta.

Sebenarnya, kata beliau, ada keuntungan yang diperolehi kerana, contohnya, apabila mereka meluluskan sesuatu skim, pengusaha berkenaan mungkin memperolehi pendapatan beberapa juta, yang kemudiannya dikenakan cukai, bagi menambah hasil kerajaan dan seterusnya membayar gaji yang lebih baik kakitangan awam.